

## BAB 5

### ANALISA PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH DALAM KALANGAN PENGANUT AGAMA KRISTIAN DI MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF *MAQĀṢID SHARĪ'AH*

#### 5.1 Pengenalan

Rentetan daripada kes penggunaan kalimah Allah tersebut, terdapat ramai penyelidik daripada pelbagai bidang cuba untuk mendapatkan solusi bagi pertikaian yang tidak berpenghujung ini. Tibanya pada bulan Mei 2023, Perdana Menteri Malaysia yang ke-10 telah mengumumkan bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia telah menalik semula rayuan yang dibuat ke atas kes Jill Ireland Lawrence Bill atas dasar menghormati keputusan majlis raja-raja sebelum ini yang menolak penggunaan kalimah Allah oleh penganut bukan Islam di setiap negeri dalam Malaysia kecuali di Sabah dan Sarawak. Keputusan ini telah mengejutkan banyak pihak kerana dengan penarikan semula rayuan tersebut, ini bermakna penganut agama Kristian di Sabah dan Sarawak boleh menggunakan kalimah Allah dan 3 lagi kalimah yang digunakan umat Islam ke dalam bahan agama mereka. Kebanyakan kajian yang dilaksanakan sebelum ini mengupas penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian dari sudut sejarah penggunaannya, sudut *'uruf* malah sudut hukum. Akan tetapi masih tiada hasil kajian yang berteraskan *maqāṣid sharī'ah* dilaksanakan sedangkan ia berkemungkinan besar dapat membantu menjadi kayu ukur yang berkesan dalam menyelesaikan konflik kalimah Allah ini. Oleh itu, penulis akan cuba menganalisis keputusan mahkamah yang sedia ada serta kewajaran penggunaan kalimah tersebut di Malaysia menurut *maqāṣid sharī'ah*.

## **5.2 Penghakiman Mahkamah bagi Kes Penggunaan Kalimah Allah di Malaysia menurut *Maqāṣid Sharī'ah***

Dalam Bab 4, penulis telah menganalisis setiap fakta kes, isu, hujah dan keputusan mahkamah bagi kes berhubung penggunaan kalimah Allah oleh penganut agama Kristian. Bagi melengkapkan objektif kajian yang ke-3, penulis akan memberi penjelasan adakah penghakiman bagi kes penggunaan kalimah Allah di Malaysia bertetapan dengan *maqāṣid sharī'ah*. Penjelasan ini adalah hasil daripada temu bual bersama pakar dan akan dimulai dengan kes Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur seterusnya kes Jill Ireland Lawrence Bill.

### **5.2.1 Penghakiman bagi kes Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur v Menteri Dalam Negeri & Ors**

Seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 4.2, kes ini melibatkan penggunaan kalimah Allah oleh akhbar *The Herald* melalui Gereja Roman Catholic di Kuala Lumpur. Kes ini telah melalui tiga mahkamah yang pada mulanya di Mahkamah Tinggi ia dimenangi oleh penganut Kristian dengan alasan bahawa ia adalah hak perlembagaan mereka untuk menggunakannya dalam mengamalkan agama mereka serta menyebabkan arahan Menteri dalam negeri yang melarang penggunaan kalimah Allah dalam *The Herald*, sementara menunggu keputusan mahkamah mengenai perkara tersebut adalah tidak sah dan batal. Kemudian ia telah dibawa ke Mahkamah Rayuan oleh Kementerian Dalam Negeri yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi dan mereka juga telah membawa hujah tambahan. Setelah keputusan di Mahkamah Rayuan memihak kepada pihak Kementerian Dalam Negeri, pihak gereja telah memohon pula di Mahkamah Persekutuan dan akhirnya keputusan memihak juga kepada pihak KDN (maklumat keputusan boleh rujuk dalam bab 4.2.4).

Bagi penghakiman dalam Mahkamah Tinggi, penulis melihat bahawa penghakiman tersebut masih di bawah objektif *maqāṣid sharī'ah*, *Maqāṣid Sunnah* iaitu *maqāṣid juziyyah*: penghakiman untuk tujuan keadilan. Penghakiman ini juga adalah berdasarkan hujah yang diberikan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Gereja Katolik, oleh itu ia adalah bertetapan dengan *maqāṣid juziyyah* dalam penghakiman. Namun keputusan mahkamah yang menolak surat larangan yang dikeluarkan oleh pihak KDN yang melarang gereja katolik menggunakan kalimah Allah dalam penerbitan mereka sebelum keputusan berkaitan kalimah Allah diputuskan adalah dilihat tidak wajar kerana tindakan KDN tersebut dilihat sebagai wajar menurut *maqāṣid sharī'ah* demi menjaga ketenteraman awam iaitu *hiḥz nafs*. Menurut Lukman Abdul Mutalib (2023) pula, tindakan Kementerian Dalam Negeri yang melarang penggunaan kalimah Allah dalam akhbar *The Herald* sebelum perbicaraan kes kalimah Allah selesai adalah menepati *maqāṣid sharī'ah*. Ini kerana, ia melibatkan sensitiviti umat Islam dan pemahaman Allah dalam agama Islam juga adalah berbeza dengan orang Kristian.

Penghakiman dalam Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan adalah bertepatan dengan *maqāṣid sharī'ah* kerana ia demi menjaga ketenteraman awam iaitu merangkup dalam ruang lingkup *hiḥz nafs* dalam kategori *maqāṣid daruruiyyat*. Hujah yang dibawa oleh pihak KDN telah membawa keputusan mahkamah memihak kepada mereka dan umat Islam apabila mahkamah memutuskan bahawa permit penerbitan bersyarat yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri adalah berperlembagaan berdasarkan Seksyen 9 Enakmen 1 Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) 1988. Diikuti dengan hujah bahawa kalimah Allah itu adalah berkait dengan Islam dan Islam pula sememangnya adalah agama Persekutuan.

### **5.2.2 Penghakiman bagi kes Jill Ireland Lawrence Bill v Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia**

Kes ini telah dianalisis dalam bab 4.3 dari segi fakta kes sehingga kepada keputusan mahkamah. Kes ini telah melalui perbicaraan dalam Mahkamah Tinggi sebanyak 2 kali setelah Mahkamah Rayuan meminta untuk Mahkamah Tinggi mendengarkan beberapa lagi tuntutan daripada pemohon iaitu Jill Ireland. Setelah dua kali keputusan Mahkamah Tinggi memihak kepada Jill Ireland Lawrence Bill iaitu seorang penganut Kristian, pihak Kementerian Dalam Negeri dan pihak Kerajaan Malaysia serta beberapa lagi agensi agama Islam telah memfailkan lagi rayuan di Mahkamah Rayuan pada tahun 2021. Namun, pada tahun 2023, pihak Kementerian Dalam Negeri dan pihak Kerajaan Malaysia telah mengumumkan penarikan semula rayuan yang telah dibuat di Mahkamah Rayuan tersebut atas dasar menghormati keputusan majlis raja-raja sebelum ini yang tidak membenarkan penggunaan kalimah Allah di Malaysia kecuali di Sabah dan Sarawak.

Hujah yang digunakan oleh Jill Ireland dalam kes ini selain daripada menuntut hak perlembagaan beliau adalah meminta supaya keputusan Kementerian Dalam Negeri yang telah merampas 8 audio CD pemohon melalui surat yang bertarikh 7 Julai 2008 yang merujuk kepada naratif yang bertarikh 5 Disember 1986 adalah tidak sah dan tidak berpelembagaan. Seperti yang dijelaskan dalam penghakimah Mahkamah dalam kes tersebut, naratif tersebut adalah lanjutan daripada keputusan kabinet yang menentukan istilah atau perkataan Islam yang boleh digunakan dan tidak boleh digunakan oleh orang bukan Islam di dalam Al-Kitab. Dalam penghakiman bagi kes Jill Ireland ini, hakim Mahkamah Tinggi telah menafsirkan memo kabinet tersebut dan ianya berbeza dengan tafsiran yang dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri seperti yang tertulis dalam naratif yang bertarikh 5 Disember 1986. Menurut Abu Mutalib (2023), kemungkinan

terdapatnya salah faham dalam penafsiran keputusan kabinet, oleh itu ia sepatutnya dibawa ke Mahkamah Rayuan serta Mahkamah Persekutuan. Adalah tidak mencapai *maqāṣid sharī'ah* apabila kes ini tidak teruskan kepada mahkamah-mahkamah yang seterusnya.

Penulis juga berpendapat bahawa keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes ini yang membenarkan penganut Kristian untuk menggunakan kalimah Allah di negara Malaysia adalah tidak menepati *maqāṣid sharī'ah*. Ini kerana, keputusan yang dibuat itu tidak berteraskan kepada 'uruf semasa masyarakat pelbagai kaum di Malaysia dan tidak mengambil kira sensitiviti umat Islam di Malaysia terutamanya di semenanjung Malaysia. Walaupun ia diterima pakai di Sabah dan Sarawak sejak sekian lama namun ia memberi kesan yang tidak baik kepada umat Islam di semenanjung memandangkan majoriti umat Islam adalah mereka yang menetap di semenanjung. Lukman Abdul Mutalib (2023) juga berpendapat bahawa jika Kerajaan Malaysia hanya bergantung kepada keputusan Mahkamah Tinggi ianya adalah tidak bersesuaian dengan *maqāṣid sharī'ah*.

### **5.3 Kewajaran Penggunaan Kalimah Allah oleh Penganut Kristian di Malaysia menurut *Maqāṣid Sharī'ah***

Dalam bab 5.3 ini, penulis akan menjelaskan apakah wajar penganut Kristian untuk menggunakan kalimah Allah di Malaysia menurut *maqāṣid sharī'ah*. Oleh itu, penulis pertamanya akan mengeluarkan beberapa enakmen negeri berkenaan dengan penggunaan kalimah yang sinonim dengan agama Islam di negeri-negeri seterusnya membincangkan kewajaran penggunaan tersebut di Malaysia menurut *maqāṣid sharī'ah*.

### **5.3.1 Enakmen Negeri Berkenaan Penggunaan Kalimah Allah**

Sepuluh negeri di Malaysia memiliki Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam dimana enakmen ini dirujuk sekiranya terdapat penganut agama bukan Islam yang cuba menggunakan kalimah-kalimah yang sinonim dengan agama Islam. Seksyen 9 bagi setiap enakmen ini di negeri-negeri menyebut tentang Kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan-perkataan dan perbendaharaan-perbendaharaan tertentu yang bersumber Islam serta rata-rata seksyen 9 ini adalah lebih kurang sama antara negeri-negeri. Antaranya adalah Enakmen 1 Tahun 1988, Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam 1988 bagi negeri Melaka:

#### **Seksyen 9. Kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan-perkataan dan perbendaharaan-perbendaharaan tertentu yang bersumber Islam.**

(1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika ia, dalam apa-apa tulisan yang diterbitkan, atau dalam apa-apa ucapan atau pernyataan terbuka, atau dalam apa-apa ucapan atau pernyataan yang ditujukan kepada suatu perhimpunan orang yang dirancang, atau dalam apa-apa ucapan atau pernyataan yang diterbitkan atau disiarkan dan yang pada masa ucapan atau pernyataan itu dibuat ia tahu, atau pada munasabahnya patut tahu akan diterbitkan atau disiarkan, menggunakan mana-mana perkataan yang disenaraikan dalam Bahagian I Jadual, atau apa-apa terbitan atau virasinya, untuk menyatakan atau memperihalkan sesuatu fakta, kepercayaan, idea, konsep, perbuatan, aktiviti, perkara, atau hal mengenai atau berkaitan dengan sesuatu agama bukan Islam.

(2) Seseorang yang tidak beragama Islam adalah melakukan kesalahan jika ia, dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam subseksyen (1), menggunakan mana-mana

perbahasaan yang disenaraikan dalam Bahagian II Jadual, kecuali sebagai petikan atau rujukan.

(3) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah subseksyen (1) atau (2) boleh dikenakan denda sebanyak satu ribu ringgit.

(4) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, meminda Jadual.

Enakmen 1 Tahun 1980, Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1980 bagi negeri Terengganu:

**Seksyen 9. Kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan-perkataan dan perbahasaan-perbahasaan tertentu yang bersumber Islam.**

(1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika ia, dalam apa-apa tulisan yang diterbitkan, atau dalam apa-apa ucapan atau pernyataan terbuka, atau dalam apa-apa ucapan atau pernyataan yang ditujukan kepada suatu perhimpunan orang yang dirancang, atau dalam apa-apa ucapan atau pernyataan yang diterbitkan atau disiarkan dan yang pada masa ucapan atau pernyataan itu dibuat ia tahu atau, pada munasabahnya, patut tahu akan diterbitkan atau disiarkan, menggunakan mana-mana perkataan yang disenaraikan dalam Bahagian 1 Jadual, atau apa-apa terbitan atau variasinya, untuk menyatakan atau memperihalkan sesuatu fakta, kepercayaan, idea, konsep, perbuatan, aktiviti, perkara, atau hal mengenai atau berkaitan dengan sesuatu agama bukan Islam.

(2) Seseorang yang tidak beragama Islam adalah melakukan kesalahan jika ia, dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam seksyen kecil (1), menggunakan mana-mana perbahasaan yang disenaraikan dalam Bahagian II Jadual, kecuali sebagai petikan atau rujukan.

(3) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen kecil (1) atau (2) boleh dikenakan denda sebanyak satu ribu ringgit.

(4) Raja dalam Mesyuarat boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.

Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) 1988 bagi negeri Selangor:

**Seksyen 9: Kesalahan Berhubung Dengan Penggunaan Perkataan--Perkataan Dan Perbahasan Tertentu Yang Bersumber Islam**

- (1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia—
- (a) dalam apa-apa tulisan yang diterbitkan; atau
  - (b) dalam apa-apa ucapan atau pernyataan awam; atau
  - (c) dalam apa-apa ucapan atau pernyataan yang ditujukan kepada mana-mana perhimpunan orang; atau
  - (d) dalam apa-apa ucapan atau pernyataan yang diterbitkan atau disiarkan dan yang pada masa ucapan atau pernyataan itu dibuat dia tahu, atau munasabahnya patut tahu ianya akan diterbitkan atau disiarkan, menggunakan mana-mana perkataan yang disenaraikan dalam Bahagian I kepada Jadual, atau apa-apa perkataan terbitan atau variasinya, untuk menyatakan atau memperihalkan sesuatu fakta, kepercayaan, idea, konsep, perbuatan, aktiviti, perkara atau hal mengenai atau berkaitan dengan sesuatu ugama bukan Islam.
- (2) Seseorang yang tidak beragama Islam adalah melakukan kesalahan jika dia, dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam seksyen kecil (1), menggunakan mana-mana perbahasaan yang disenaraikan dalam Bahagian II kepada Jadual, kecuali sebagai petikan atau rujukan

(3) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyenkecil (1) atau (2) boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit.

(4) Raja dalam Mesyuarat boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, meminda Jadual.

### Contoh jadual Bahagian 1 **Perkataan-Perkataan Yang Tidak Boleh Dikaitkan**

**Dengan Agama Bukan Islam** bagi negeri Melaka:

ENAKMEN 1 TAHUN 1988  
ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN PENGEMBANGAN AGAMA BUKAN ISLAM KEPADA ORANG ISLAM 1988

---

JADUAL

JADUAL  
(Seksyen 9)  
BAHAGIAN I  
PERKATAAN-PERKATAAN YANG TIDAK BOLEH DIKAITKAN  
DENGAN AGAMA BUKAN ISLAM

Allah	Rasul	Hauliak
Firman Allah	Iman	Karamah
Ulama	Dakwah	Shahadah
Hadith	Salat	Masjid
Ibadah	Khalifah	Baitullah
Kaabah	Wali	
Kadi	Fatwa	
Ibahi	Imam	
Wahyu	Nabi	
Mubaligh	Sheikh	
Syariah	Akhirat	
Qiblat	Azan	
Haji	Al-Quran	
Mufti	Al-Sunnah	

KAWALAN DAN SEKATAN PENGEMBANGAN AGAMA BUKAN ISLAM KEPADA ORANG ISLAM

**Gambar 1 : Perkataan-Perkataan Yang Tidak Boleh Dikaitkan Dengan Agama Bukan Islam**

Contoh di atas adalah 3 contoh bagi seksyen 9 Enakmen Pengembangan Agama Bukan Islam di Malaysia di mana kesemuanya melarang penggunaan kalimah yang sinonim dengan agama Islam daripada digunakan oleh orang bukan Islam termasuklah kalimah Allah (terkandung dalam jadual bagi setiap enakmen) yang sekarang digunakan oleh penganut yang beragama Kristian. Perkara ini secara jelas memperlihatkan bahawa telah wujudnya suatu peraturan atau undang-undang yang menyekat penggunaan kalimah Allah daripada digunakan oleh orang bukan Islam di Malaysia. Penulis merasakan enakmen ini adalah sangat wajar diberikan perhatian oleh pihak kerajaan

Malaysia dalam menangani isu penggunaan kalimah Allah ini seperti yang pernah digunakan dalam kes Roman Catholic Archbishop v Kementerian Dalam Negeri.

### 5.3.2 Kewajaran Penggunaan Kalimah Allah di Malaysia Menurut *Maqāsid Sharī'ah*

*Maqāsid Sharī'ah* adalah berasal daripada perkataan *al-qasd* bererti tujuan. Tujuan yang dimaksudkan oleh *maqāsid sharī'ah* adalah tujuan utama hukum syariat iaitu terbahagi kepada dua tujuan, tersurat dan juga tersirat (Lukman Abdul Mutalib, 2023). Contohnya dalam firman Allah:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

*Maksudnya: Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.*

(al-Quran. Al- Baqarah 2:43)

Kemudian datang hadis Riwayat Muslim (1509), daripada Abu Hurairah bahawa Nabi SAW bersabda:

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ الْفَدِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً

*Maksudnya: Solat secara berjemaah lebih baik daripada solat bersendirian sebanyak 27 darjat.*

Seterusnya datang lagi sebuah hadis Riwayat Al-Bukhari (853), yang diriwayatkan oleh Ibn Umar R.A beliau berkata bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

مَنْ أَكَلَ مِنْ هَذِهِ الشَّجَرَةِ . يَعْنِي التُّومَ . فَلَا يَفْرَبَنَّ مَسْجِدَنَا

*Maksudnya: Sesiapa yang makan dari pohon ini - iaitu bawang putih - maka janganlah dia mendekati masjid kami.*

Terdapat dua keadaan di sini dimana, satu hadis Rasulullah yang menggesa manusia untuk mengejar pahala, namun di hadis lain Rasulullah menegah daripada hadir ke masjid sekiranya makan bawang. Ini bermakna, maksud tersuratnya adalah Rasulullah s.a.w mengkehendaki kita sembahyang berjemaah, namun yang tersiratnya adalah sembahyang berjemaah tersebut mestilah membuahkannya silaturrahim sesama muslimin. Bau mulut setelah memakan bawang akan menyebabkan ketidakselesaan kepada muslimin lain yang datang untuk berjemaah dan akan mengakibatkan kerenggangan diantara jemaah dalam solat (Lukman Abdul Mutalib, 2023).

Kalimah Allah secara *'uruf* nya di Malaysia terutamanya di semenanjung merupakan satu kalimah ketuhanan yang sinonim dengan umat Islam dan tidak digunakan atau disebutkan secara lisan sebagai tuhan kepada agama lain kecuali sesetengah mereka yang beragama Kristian di Sabah dan Sarawak. Orang Islam menyebut Allah manakala orang Kristian menyebut *God*. Penggunaan kalimah Allah menjadi isu hangat di Malaysia apabila penganut Kristian cuba untuk menggunakan kalimah Allah di dalam al-kitab dan buku-buku pendidikan mereka. Perkara ini dilihat tidak wajar di Malaysia secara menyeluruh menurut *maqāsid shari'ah* kerana *'uruf* nya kalimah tersebut digunakan umat Islam manakala penganut Kristian memanggil tuhan bapa mereka dengan panggilan *God*. Alasan menterjemah *God* sebagai Allah adalah dilihat tidak sesuai kerana penganut Kristian di Sabah Sarawak adalah mereka yang datang dari berbagai suku, oleh itu pelbagai terjemahan lagi yang boleh digunakan.

(Lukman Abdul Mutalib, 2023) (Zizi Azlinda, 2023).

Perkara ini juga demi menjaga agama dan menjaga akal anak muda kita pada masa akan datang. Sekiranya penganut Kristian menggunakan kalimah Allah dikhuatiri akan menyebabkan salah faham dan salah tafsir dalam kalangan generasi akan datang tentang konsep Allah yang sebenar dalam Islam. Ini kerana, di Malaysia sejak di zaman nenek moyang lagi Allah itu hanya merujuk kepada tuhan yang Esa oleh umat Islam bukan tuhan seperti dalam konsep trinitas yang dipegang oleh penganut Kristian. Lukman Abdul Mutalib (2023), berpendapat bahawa ia merupakan satu jenayah yang besar kepada generasi yang akan datang sekiranya dibenarkan penggunaan kalimah Allah oleh penganut bukan Islam di Malaysia. Ianya bukan sekadar tidak menjaga kesucian agama akan tetapi juga merobohkan akidah anak bangsa. Tindakan ini perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan, majlis raja-raja dan institusi keagamaan di Malaysia kerana kekuatan akidah umat Islam dari zaman ke zaman semakin luntur dek modenisasi selepas kemerdekaan. Kebanyakan anak muda sekarang bertudung tetapi pemikirannya bebas. Tidak ramai antara mereka yang berguru dengan ulama-ulama atau pakar bidang malah mereka memilih untuk menyuakan persoalan menggunakan teknologi AI terkini yang pemiliknya juga adalah penganut bukan Islam (Lukman Abdul Mutalib, 2023).

Kata Saidina Ali r.a dalam peperangan Siffin apabila Amru bin Al As wakil daripada Muawiyah mengangkat al Quran meminta berdamai antara Muawiyah dan Ali “wallahi kami nak berdamai”, lalu saidina Ali berkata yang bermaksud “Ia adalah kalimah yang benar tetapi kalimah itu datang dengan niat di belakangnya iaitu niat kebatilan”. Apabila membincangkan isu kalimah Allah, memang benar penganut Kristian mempunyai hak untuk menggunakan kalimah tersebut kerana dalam al-Quran juga tidak ada ayat yang melarang penggunaannya akan tetapi dikhuatiri mereka mempunyai niat yang tersembunyi. Kekhuatiran ini juga timbul untuk menjaga agama

Islam menurut *maqāṣid sharī'ah* di Malaysia kerana dalam ibadah seharian mereka di negara ini mereka tidak menggunakan kalimah Allah. Alasan mereka untuk menggunakan kalimah tersebut untuk terjemahan dalam bahasa Melayu juga menjadi persoalan kerana pelbagai bahasa yang boleh digunakan di Sabah Sarawak seperti bahasa Iban, Kadazan dan sebagainya (Lukman Abdul Mutalib, 2023). Desakan mereka untuk menggunakan kalimah Allah jelas untuk kepentingan menyebar luas dakwah agama Kristian (Zizi Azlinda, 2023). Jika diselidiki, agama mereka sendiri menggunakan *God* bukannya Allah dan niat untuk alih bahasa di negara majoriti Melayu Islam adalah tidak signifikan kecuali hanyalah untuk menyebarkan agama Kristian (Zizi Azlinda, 2023). Dalam meneliti isu ini menurut Lukman Abdul Mutalib (2023) ada niat dan sangkaan buruk yang boleh ditimbulkan. Islam mempunyai pelbagai sekatan dan sekiranya negara Malaysia yang *'uruf* nya kalimah Allah digunakan oleh orang Islam boleh digunakan oleh penganut Kristian, maka generasi akan datang akan melihat bahawa agama Kristian itu mudah dan tuhan nya juga sama iaitu Allah. Perkahwinan campur agama juga kemungkinan akan berlaku seperti yang berlaku di Indonesia sekiranya kalimah Allah ini tidak dipertahankan untuk menjaga *maqāṣid sharī'ah*, *ḥifẓ dīn* dan *ḥifẓ 'aql*.

Jika dilihat penggunaan kalimah Allah di negara Arab ia tidak menjadi masalah buat penganut agama Islam dan bukan Islam di sana, Ini kerana sedari awal mereka menggunakan kalimah tersebut bagi tuhan agama-agama di sana (Lukman Abdul Mutalib, 2023) (Ishak, 2023). Perkara ini menimbulkan isu di Malaysia kerana ia bertentangan dengan *'uruf* di Malaysia di mana kalimah tersebut digunakan oleh orang Islam dan tidak digunakan secara khas oleh penganut Kristian. *Sharī'ah* dikatakan sebagai punca mata air, kerana mata air itu adalah punca kehidupan (Lukman Abdul Mutalib, 2023). Firman Allah:

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ

*Maksudnya: dan Allah jadikan setiap kehidupan ini bermula dari air*

(al-Quran. Al-Anbiyaa' 21:30)

Berdasarkan ayat tersebut, air merupakan punca kehidupan dan kehidupan tidak hanya terbatas kepada orang mukmin malah kepada orang bukan Islam. Islam merupakan *rahmatan lil'alam* dan sekiranya peraturan *maqāsid sharī'ah* dipatuhi maka ia selamat bukan hanya kepada orang Islam sahaja tetapi juga kepada semua. Sekiranya penganut Kristian menghormati sensitiviti umat Islam akan penggunaan kalimah Allah, maka *maqāsid hifz nafs* juga boleh dicapai dengan terzahirnya rasa keamanan. Apabila penganut Kristian cuba untuk menggunakan kalimah Allah, ia mengakibatkan kemarahan bagi orang Islam dan mengakibatkan ketidakselesaan kehidupan berjiran dan keadaan negara juga mungkin terancam. Sekiranya, penganut Kristian memahami maka *maqāsid* juga boleh dicapai oleh mereka iaitu *maqāsid hifz nafs*. Bertetapan dengan *maqāsid sharī'ah* sekiranya dihadkan penggunaan kalimah Allah hanya bagi penganut yang beragama Islam demi memelihara ketenteraman negara.

## 5.6 Kesimpulan

Tindakan hakim dalam setiap mahkamah dalam mengeluarkan keputusan adalah selari dengan konsep *maqāsid sharī'ah* iaitu *maqāsid juziyyah* dalam perundangan yang menatijahkan keadilan (Lukman Abdul Mutalib, 2023) (Muhammad Shahrul, 2023) kerana ia diputuskan berdasarkan bukti-bukti dan hujah-hujah yang diberikan oleh kedua-dua pihak pemohon dan responden. Keputusan Kementerian Dalam Negeri yang membawa hujah bahawa penggunaan kalimah Allah adalah bertentangan dengan enakmen negeri-negeri berkaitan 'kesalahan berhubung dengan

penggunaan perkataan-perkataan dan perbahasaan-perbahasaan tertentu yang bersumber Islam' dalam kes Roman Catholic Archbishop adalah dilihat sebagai satu tindakan yang wajar kerana enakmen itu sendiri bertujuan untuk menjaga kesucian kalimah Allah. Di Malaysia, secara 'uruf nya penggunaan kalimah Allah merujuk kepada tuhan bagi umat Islam dan *God* adalah tuhan bagi penganut Kristian. Oleh itu adalah tidak wajar menurut *maqāsid shari'ah* jika dibenarkan penggunaan kalimah Allah kepada penganut Kristian di Malaysia.

